

UCAPAN PERASMIAN

**YANG BERUSAHA ENCIK AMIRUL BIN ARIPIN
PEMANGKU PENGARAH
JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK**

DI DALAM

**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM ESTECC EDUCATION IN
SCHOOLS DAN PROGRAM KESEDARAN ALAM
SEKITAR BERSAMA MURID-MURID TABIKA KEMAS SEMPENA
SAMBUTAN HARI BUMI 2019**

**30 APRIL 2019 (SELASA)
DEWAN DRAGON HALL
SMK TUN ABDUL RAZAK, KUCHING**

**Yang Berusaha
Cik Alice Lee
Chief Operating Officer Of Trienekens (Sarawak) Sdn. Bhd**

**Yang Berusaha
En. Speedy Bena Albert Luna
Pengetua Smk Tun Abdul Razak**

Ketua Dan Wakil-Wakil Ketua Jabatan

Guru-Guru

Pelajar-Pelajar Yang Dikasihi

Para Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati

Assalamualaikum Dan Salam Sejahtera,

1. Terlebih dahulu saya memanjatkan rasa syukur yang tidak terhingga kerana pagi ini dengan izin dan limpah kurniaNYA dapat kita berkumpul di Majlis Perasmian Program *Estecc Education In Schools* dan Program Kesedaran Alam Sekitar Bersama Murid-Murid Tabika Kemas Tahun 2019 ini.
2. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada pihak Trienekens (Sarawak) Sdn. Bhd. selaku rakan kerjasama di dalam penganjuran program kesedaran alam sekitar bagi para pelajar dan murid-murid pra sekolah tahun 2019. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak dan Jabatan Kemajuan Masyarakat Negeri Sarawak (atau singkatannya KEMAS) yang memberikan sokongan padu di dalam menjayakan program kesedaran alam sekitar.
3. Terima kasih dan penghargaan saya juga kepada Pengetua dan guru-guru SMK Tun Abdul Razak yang sudi menjadi lokasi majlis perasmian program pada hari ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua pihak yang bertungkus lumus mengadakan majlis ini.

4. Kehadiran Tuan-Tuan dan Puan-Puan semua menunjukkan sokongan dan komitmen di dalam menjayakan usaha mempromosikan program kesedaran alam sekitar melibatkan para pelajar dan murid-murid pra sekolah serta mewujudkan sekolah yang lestari.

Hadirin sekalian,

5. Untuk makluman, penganjuran program ini juga adalah sempena Sambutan Hari Bumi 2019 yang diraikan pada 22 April setiap tahun seluruh dunia untuk mengingatkan kita jasa bumi yang telah memberikan satu ekosistem yang terbaik untuk didiami. Ia juga bertujuan mendidik masyarakat supaya menghargai bumi dan menyemai rasa tanggungjawab serta meningkatkan keprihatinan untuk bersama-sama melindungi bumi dan alam sekitar dari pencemaran.
6. Dengan tema Sambutan Hari Bumi pada tahun ini “Protect Our Species” adalah bertujuan mendidik dan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan melindungi spesis terancam dan hidupan liar yang semakin pupus. Sebab dan akibat daripada fenomena ini mendatangkan keburukan kepada bumi dan alam semulajadi. Diharap dengan usaha ini dapat memberi kesedaran kepada masyarakat khususnya warga sekolah mengenai kepentingan melindungi spesis terancam serta habitatnya dalam mengekalkan ekosistem alam semulajadi.

7. Selari dengan inisiatif Kementerian Tenaga, Sains, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) dan hasrat Yang Berhormat Menteri MESTECC untuk meningkatkan tahap kesedaran warga sekolah khususnya, Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan-Jabatan lain di bawah Kementerian MESTECC akan melaksanakan Program *Estecc Education In Schools* di seluruh Malaysia pada tahun 2019. Bagi JAS Sarawak kita mensasarkan lebih kurang 6000 pelajar akan terlibat dalam program ini.
8. Objektif pelaksanaan program ini adalah bertujuan meningkatkan tahap kesedaran warga sekolah khususnya para pelajar mengenai kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, memupuk nilai murni alam sekitar di kalangan warga sekolah dan menggalakkan warga sekolah melaksanakan aktiviti mesra alam dengan berkesan.
9. Di samping program *ESTECC Education In Schools*, JAS Sarawak dengan kerjasama badan korporat iaitu Trienekens (Sarawak) Sdn. Bhd. dan Jabatan Kemajuan Masyarakat Negeri Sarawak (KEMAS) turut menjalankan program kesedaran alam sekitar bersama murid-murid tabika. Di peringkat Jabatan Alam Sekitar, secara rasminya modul kesedaran alam sekitar bagi murid-murid pra sekolah diwujudkan pada tahun 2012. Modul-modul ini merangkumi 5 modul iaitu modul air, modul haiwan, modul tumbuhan, modul udara dan modul kitar semula. Di dalam setiap modul berkenaan, turut disertakan buku panduan kepada pemaju masyarakat ataupun guru untuk menjalankan setiap aktiviti. Setiap aktiviti yang disediakan selari dengan Kurikulum

Prasekolah Kebangsaan yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Sejak dari tahun 2012, sebanyak 20 buah Tabika KEMAS telah terlibat di dalam menjayakan program ini di Tabika masing-masing. Begitu juga pada tahun 2016, 2017, 2018 dan pada tahun ini sebanyak 10 buah Tabika KEMAS di Bahagian Samarahan dan Serian yang terlibat bermula 17 April 2019 sehingga 10 Mei 2019.

Para hadirin sekalian,

10. Pendidikan kesedaran alam sekitar wajar dilaksanakan di peringkat awal usia kanak-kanak. Pendedahan awal yang diberikan mampu membentuk kumpulan pelajar yang peka berkaitan kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Sekembalinya para pelajar ini ke rumah, mereka mampu menceritakan kembali dan mengingati apa yang telah mereka pelajari berkaitan alam sekitar di sekolah atau tabika masing-masing. Dengan itu, serba sedikit maklumat yang diajar oleh guru sampai kepada ibu bapa dan penjaga yang seterusnya bertanggungjawab mengajar amalan seharian yang tidak mencemarkan atau mengotorkan alam sekitar.

11. Di kesempatan ini saya ingin menyeru agar kita dapat bersama-sama menunjukkan contoh-contoh berkaitan amalan mesra alam yang baik kepada anak-anak ketika berada di rumah. Amalan mesra alam yang boleh diterapkan didalam keluarga ialah menjimatkan penggunaan sumber elektrik, sumber air, amalan kitar semula, tidak membuang sampah merata-rata dan lain-lain lagi. Pendidikan yang diberikan di peringkat kanak-kanak ini mampu mencorakkan insan yang murni, lestari dan prihatin terhadap alam sekitar yang akan diwariskan ke generasi akan datang.

Hadirin sekalian,

12. Saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis ini terutamanya kepada Trinekens (Sarawak) Sdn. Bhd. di atas kesudian untuk menjalankan kerjasama korporat bersama JAS. Tahniah dan syabas di atas usaha dan komitmen yang telah ditunjukkan. Saya berharap kita semua akan terus memperjuangkan usaha-usaha pemuliharaan alam sekitar dan memberi manfaat kepada semua pihak khususnya di Negeri Sarawak.

13. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih di atas kesudian Tuan-Tuan dan Puan-Puan, termasuk ketua dan wakil-wakil agensi kerajaan yang hadir ke majlis ini. Kehadiran Tuan-Tuan dan Puan- Puan ke Majlis ini membuktikan sokongan padu pelbagai pihak terhadap usaha-usaha pemeliharaan alam sekitar. Semoga komitmen dan kerjasama yang terjalin ini akan berterusan bagi mewujudkan dan memperluaskan pendidikan kesedaran alam sekitar melibatkan warga sekolah pada tahun-tahun yang akan datang.

14. Sehubungan itu, sukacitanya saya dengan lafaz “BISMILLAHIR RAHMAN NIRRAHIM” merasmikan Majlis Perasmian Program Estecc Education In Schools dan Program Kesedaran Alam Sekitar Bersama Murid-Murid Tabika Kemas Sempena Sambutan Hari Bumi Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2019.

Sekian.Terima kasih

